EVOLUSI DEKAD
DEWAN LATIHAN MARA ke UITM
1956-2026

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA®

RONA TINTA

EDISI 2026



MEMAHAMI ASAS PEMBAYARAN DIVIDEN

Fadhirul Hisham Aziz, Nurul Nabilah Yahaya & Nurul Natasha Izzetty Mohd Nor Azamry

Pengumuman pembayaran dividen adalah satu berita gembira yang sering dinantikan para pelabur. Pelaburan yang dibuat sama ada dalam bentuk pembelian saham syarikat ataupun unit amanah diharapkan dapat memberi pulangan yang memberangsangkan. Bagi pihak syarikat ataupun pengurus unit amanah, kebolehan membayar dividen yang tinggi akan menarik lebih ramai pelabur dan menunjukkan kecekapan operasi mereka. Namun, persepsi negatif sering kali akan timbul apabila tiada pembayaran dividen diumumkan ataupun jumlah yang diumumkan lebih rendah daripada tahun-tahun sebelumnya.

Untuk lebih memahami bagaimana pembayaran dividen dibuat, asas kepada pembayaran tersebut hendaklah difahami terlebih dahulu. Satu kriteria utama yang perlu diketahui semua apabila hendak melabur di dalam sesebuah syarikat adalah jenis syarikat itu sendiri. Seksyen 10 Akta Syarikat 2026 menyebut syarikat boleh diperbadankan sebagai syarikat berhad menurut syer, syarikat berhad menurut jaminan, dan, syarikat tidak berhad. Seksyen 11 menyebut syarikat berhad menurut syer hendaklah sama ada suatu syarikat persendirian atau syarikat awam. Antara perbezaan utama antara syarikat persendirian dan syarikat awam adalah pada nama syarikat tersebut di mana nama syarikat persendirian hendaklah berakhir dengan Sendirian Berhad atau singkatannya “Sdn. Bhd.” manakala syarikat awam berakhir dengan Berhad atau singkatannya (“Bhd.”).

Menurut statistik yang dikeluarkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, terdapat 1,671,616 syarikat tempatan yang didaftarkan setakat Jun 2026, manakala Bursa Malaysia merekodkan sejumlah 1,131 syarikat awam tersenarai di Bursa Malaysia melalui tiga pasaran berbeza iaitu Main Market, ACE Market, and LEAP Market. Syarikat berhad menurut syer menjadi entiti pilihan utama dalam perniagaan kerana liabliti anggotanya terhad kepada amaun, jika ada, tidak berbayar atas syer yang dipegang oleh anggota itu [Seksyen 10 (2)]. Ini bermakna jika syarikat berhutang dengan pihak lain, anggota tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar hutang tersebut jika syer yang dipegang telah pun dibayar secara penuh.

Bagi syarikat awam, pelabur boleh membeli saham syarikat dengan membuka akaun CDS dan melakukan transaksi yang diingini. Namun bagi syarikat persendirian ianya amat berbeza. Syarikat persendirian hanya boleh mempunyai anggota maksima sebanyak 50 orang sahaja (Seksyen 42). Oleh itu, saham syarikat persendirian selalunya akan ditawarkan kepada rakan, dan keluarga. Syarikat persendirian juga dilarang untuk menawarkan syer atau debentur syarikat serta mempelawa orang awam untuk mendepositkan duit (Seksyen 43). Jadi, jika ada pihak yang menawarkan peluang pelaburan kepada orang awam dan status syarikat itu adalah persendirian, langkah berwaspada haruslah diambil terlebih dahulu dengan menyemak maklumat dengan pihak berkenaan seperti pada Suruhanjaya Sekuriti. Pemahaman asas mengenai jenis syarikat di atas amatlah penting kerana sering kali media melaporkan penipuan membabitkan pelaburan di mana rata-rata mangsa melibatkan pesara yang mungkin kurang pendedahan mengenai perkara ini.

Selepas pembelian saham dibuat, persoalan utama yang sering timbul adalah adakah syarikat wajib membayar dividen kepada anggota jika mereka mencatat keuntungan? Bagi menjawab soalan ini setiap pihak perlu memahami dulu situasi dan bidang kuasa pembayaran dividen tersebut. Seksyen 131 menyatakan bahawa suatu syarikat hanya boleh membuat pengagihan kepada pemegang syer daripada keuntungan yang ada bagi syarikat itu jika syarikat menjadi solven. Syarikat dianggap solven jika syarikat itu berupaya untuk membayar hutangnya jika dan apabila hutang itu menjadi kena dibayar dalam masa dua belas bulan selepas pengagihan dibuat [Seksyen 132 (3)].

Berkenaan bidang kuasa, Seksyen 132 (1) menyebut sebelum pengagihan dibuat oleh syarikat kepada mana-mana pemegang syer, pengagihan itu hendaklah dibenarkan oleh pengarah syarikat, dan pengarah boleh membenarkan suatu pengagihan dibuat pada bila-bila masa dan mengikut apa-apa amaun sebagaimana yang didapati sesuai oleh pengarah, jika pengarah berpuas hati syarikat itu akan menjadi solven sebaik selepas pengagihan dibuat. Oleh itu, pembayaran dividen tertakluk kepada kuasa pengarah, di mana mereka boleh untuk tidak mengumumkan dividen walaupun syarikat mencatatkan keuntungan. Ini kerana keuntungan yang dicatatkan mungkin dirasakan lebih sesuai digunakan untuk perkembangan syarikat seperti pembelian mesin baru untuk meningkatkan penghasilan produk, pembelian tanah untuk dibangunkan, dan perkara lain yang dirasakan sesuai. Perlu juga difahami keputusan menggunakan keuntungan yang dijana ini didorong oleh kos pembiayaan dan pemilikan yang harus dibayar jika pembiayaan luar ini diambil, yang seterusnya akan meningkatkan kos syarikat serta risiko kepada anggota. Walaupun begitu, anggota masih dapat menerima manfaat daripada pelaburan mereka iaitu dari kenaikan harga saham sekiranya pembayaran dividen tidak dibuat.

Berkaitan amaun dividen yang diumumkan oleh syarikat untuk dibayar kepada anggota pula, ianya bukan semata-mata tertakluk kepada keuntungan yang dicatatakan tetapi perlu juga melihat pada beberapa perkara antaranya polisi dividen, dan jumlah unit saham. Sebagai contoh Dutch Lady Milk Industries (“DLIM”) dalam Laporan Tahunan 2025 menunjukkan interim dividen dibayar sebanyak dua kali iaitu dividen sebanyak 25 sen bagi setiap saham bagi setiap pembayaran. Pada mata kasar, jumlah 25 sen sesaham ini mungkin sedikit tetapi perlulah difahami jumlah keseluruhan yang perlu dibayar. Jumlah sebenar yang perlu dibayar pada pembayaran interim pertama dan kedua adalah sama iaitu sebanyak RM16 juta (64 juta unit saham x 25 sen), di mana secara keseluruhan RM32 juta dibayar pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025.

Secara langsung, jumlah RM32 juta ini tidak melebihi keuntungan bersih pada tahun 2025 iaitu sebanyak RM103.28 juta. Pembayaran RM32 juta ini menunjukkan kira-kira 31% daripada keuntungan bersih yang dicatatkan digunakan untuk membayar dividen pada tahun tersebut. Walaupun mungkin ada yang berpendapat ianya rendah, perlulah juga dilihat pada pola pembayaran syarikat dimana boleh disimpulkan syarikat menggunakan polisi dividen stabil seperti yang dapat dilihat pada laporan tahunan di mana syarikat membayar amaun yang sama iaitu RM32 juta sebagai dividen sejak 2021 hingga 2025.

Secara kesimpulan, memahami jenis syarikat adalah asas sebelum pelaburan saham sama ada dalam syarikat persendirian atau awam dibuat. Kesedaran mengenai bidang kuasa pembayaran, dan bagaimana keputusan dividen dibuat boleh membantu pelabur dalam keputusan pelaburan mereka dan dalam masa yang sama menangkis sentimen negatif yang tidak berdasarkan fakta.